



**DR. Siti Norita Mohamad (tengah) menunjukkan statistik ikan baung ekor merah di Jelebu, semalam. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN**

# Kaki pancing perlu sekat pembiakan baung ekor merah

UM 8/9/2023 MS: 35

**JELEBU:** Kehadiran ikan asing iaitu baung ekor merah (*Hemibagrus Wyckioides*) yang semakin banyak di perairan sungai negara ini dikhuatiri memusnahkan spesies ikan asli tempatan.

Pengarah Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) Glami Lemi, Dr. Siti Norita Mohamad berkata, kerjasama orang ramai khususnya dalam kalangan pemancing sangat diperlukan bagi membantu memastikan spesies ikan asing itu dikeluarkan dari perairan sungai negara ini.

Katanya, ikan baung ekor merah sudah semakin banyak berada dalam perairan negara yang memusnahkan ikan-ikan asli tempatan.

“Kami memang perlukan

kerjasama daripada orang ramai, ikan asing ini sudah berada dalam perairan kita. Kami menggalakkan pemancing dikeluarkan ikan ini dan jangan lepaskan ke dalam sungai.

“Ikan ini makanannya 50+ peratus dari ikan-ikan asli kita, 20 peratus lagi pula adalah udang galah. Memang apabila kita belah perut ikan ini, memang ikan tempatan yang keluar dari perut ikan ini,” katanya kepada pemberita pada Hari Terbuka IPP Glami Lemi dan Majlis Menandatangani Perjanjian Bekalan Tenaga Boleh Diperbaharui, semalam.

Yang turut hadir Pengarah Kanan Institut Penyelidikan Perikanan, Jabatan Perikanan Malaysia, Dr. Azhar Hamzah.